



Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7Jld 11(13)  
Tarikh : 19 April 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **OP CARILAMAT:**

- I. SEORANG KRU DIKHUATIRI JATUH LAUT DI PULAU BURONG;**
- II. EMPAT KRU BOT TENGGELAM DI TANJUNG PO DITEMUI SELAMAT**

**KUCHING, 19 April** – Maritime Rescue Sub Center (MRSC) Kuching telah mengaktifkan Operasi Mencari dan Menyelamat (CARILAMAT) pada jam 12.05 tengah hari semalam berikutan seorang kru bot dilaporkan jatuh laut di sekitar perairan Pulau Burong, Sebuyau.

Pengarah Maritim Negeri Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Zin Azman bin Md Yunus berkata, Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak telah menerima panggilan pada jam 12.00 tengah hari dari pengadu menyatakan seorang kru bot nelayan disyaki jatuh laut di perairan Pulau Burong pada jam 6.30 pagi semalam.

Mangsa dikenali sebagai Francis Anak Awi, 39, lelaki Iban warga tempatan. Pakaian terakhir mangsa baju kelabu lengan panjang dan seluar panjang kelabu.

Sejurus menerima laporan tersebut, MRSC Kuching telah mengatur gerakkan Bot KILAT 22 ke lokasi kejadian.

Pangkalan Hadapan CARILAMAT (PHC) ditubuhkan di Jeti Awam Sebuyau dan MRSC Kuching turut memaklumkan insiden kejadian kepada agensi sahabat serta menyalurkan maklumat kepada persatuan nelayan berhampiran.

Sekitar jam 12.50 tengah hari semalam juga, satu lagi kejadian melibatkan bot nelayan dikhuatiri tenggelam bersama empat orang kru di perairan Tanjung Po, Kuching.

MRSC Kuching menerima panggilan kecemasan menerusi MERS 999 sekitar jam 12.50 tengah hari semalam dan menurut pengadu, kesemua mangsa memakai jaket keselamatan.

Sejurus menerima panggilan tersebut, MRSC Kuching telah mengaktifkan OP CARILAMAT dan aset Maritim Malaysia KILAT 22 telah diatur gerakkan ke lokasi.

Kesemua mangsa telah berjaya diselamatkan oleh bot nelayan tempatan dan terus dibawa ke Kampung Geobilt, Kuching.

OP CARILAMAT bagi bot tenggelam di Tanjung PO telah ditamatkan pada 2.45 petang semalam, manakala pencarian bagi mencari dan menyelamatkan seorang kru disyaki jatuh laut di perairan Pulau Burong, lebih kurang 10 batu nautika dari Sebuyau, diteruskan dan memasuki hari kedua.

Maritim Malaysia menggesa komuniti maritim agar pastikan bot dalam keadaan baik dan batalkan niat ke laut sekiranya cuaca buruk dan sekiranya keadaan mendesak untuk ke laut, utamakan keselamatan dengan sentiasa memakai jaket keselamatan dan bawa bersama peranti Personal Located Beacon (PLB) untuk memudahkan pasukan penyelamat terus ke lokasi kecemasan.

Maritim Malaysia sentiasa mengalu-alukan maklumat daripada seluruh komuniti Maritim untuk melaporkan sebarang kecemasan di laut secara terus ke talian Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak di talian 082-432544/ 432016 atau MERS 999.

**Laksamana Pertama Maritim Zin Azman bin Md Yunus**

**Pengarah Maritim Negeri Sarawak**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Sarawak

Leftenan Madya Maritim Alexcis Teo Nyelang

No Tel : 013-8212024

Emel : alexcis@mmea.gov.my